

JPS teruskan siasatan cari punca insiden di Taman Idaman, Serendah

Tiada aliran air atas tanah

Oleh MOHD AZRIN MUHAMMAD dan
TENGKU ASYRAF TENGKU
SALLEHUDDIN

HULU SELANGOR – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak menemui sebarang aliran air di atas permukaan tanah ke Taman Idaman berdasarkan siasatan berhubung punca tanah runtuh yang berlaku pada awal pagi Sabtu lalu.

Pegawai Daerah Hulu Selangor, Mohd. Fauzi Mohd. Yatim berkata, data berkenaan dikenal pasti berdasarkan hasil pemeriksaan awal pasukan teknikal JPS selepas melakukan kaedah pemetaan menggunakan dron di lokasi kejadian semalam.

“Kerja-kerja pencerapan di permukaan sekitar kawasan tanah runtuh dilakukan menggunakan dron bagi mendapatkan rakaman video kawasan kejadian dengan lebih jelas dan tepat.

“Selepas meneliti rakaman video berkenaan, kami dapati tiada aliran air di permukaan



MOHD. FAUZI



Tanah runtuh telan 9 kenderaan di Serendah



SEORANG saksi kejadian tanah runtuh di Taman Idaman, Serendah, Hulu Selangor memuatkan maklumat dalam media sosial apabila beliau mendengar bunyi dentuman yang amat kuat sebelum melihat gerabak meluncur dari semboyan bukit kenderaan-jalan satu per satu ke dalam runtuhan tanah-tanah di bawah.

Pemilik gerabak tersebut, Nizamul Nizam, 40, berkata, kejadian berlaku pada 1 pagi. Dia telah memandu sebuah kenderaan di laluan bukit sebelum kenderaan itu terjatuh ke dalam runtuhan.

SELAGORAN 27 NOVEMBER 2016



Tanah runtuh telan 9 kenderaan di Serendah

KERATAN Kosmo! 27 November 2016.

tanah dan siasatan lanjut untuk mengesan aliran air di bawah tanah masih dalam proses kajian,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Turut hadir Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan R. Supramaniam.

Terdahulu, kira-kira 340 penduduk melibatkan 64 buah rumah digemparkan dengan kejadian tanah runtuh yang dipercayai berpunca daripada aliran air bawah tanah yang deras pada pukul 1 pagi, Sabtu lalu.

Kini, seramai 147 mangsa daripada 33 keluarga ditempatkan di Sekolah Rendah Agama (SRA) Serendah selepas polis mengklasifikasikan kawasan berkenaan sebagai kawasan larian Zon Merah.

Tambah Mohd. Fauzi, 20 per-

atus daripada kerja-kerja pembersihan di tapak kejadian tanah runtuh sudah diselesaikan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang minggu depan.

“Kerja-kerja pemasangan cerucuk telah siap dan hasil pemeriksaan lanjut berdasarkan struktur tersebut mendapati tiada pergerakan tanah berlaku sehingga hari ini,” ujarnya.

Sementara itu, Supramaniam berkata, sehingga kini aspek keselamatan penduduk serta lokasi kejadian masih berada dalam keadaan terkawal.

Setakat ini, seramai 133 mangsa membabitkan 27 keluarga masih berada di pusat pemindahan sementara di Sekolah Rendah Agama (SRA) Serendah dengan pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Daerah Hulu Selangor.

Pakar geologi cadang lakukan kajian geofizik

KUALA LUMPUR – Kajian geofizik bagi mengesan aliran air di kawasan tanah runtuh di Taman Idaman, Serendah, Hulu Selangor perlu dilakukan agar tindakan susulan boleh dilaksanakan.

Pakar geologi dari Program Geologi Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Tajul Anuar Jamaluddin berkata, langkah itu bertujuan bagi membuat pintasan seterusnya mengubah aliran air bawah tanah ke kawasan lain menggunakan saluran yang sesuai.

“Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, saya dapati bahagian dasar tapak runtuhan itu mempunyai aliran air yang banyak dan cerun pula ditambah menggunakan sisa bekas lombong iaitu tanah liat dan pasir.

“Apabila hujan, paras air bawah tanah meningkat sekali

gus menyebabkan aliran air bertambah laju sehingga menyebabkan runtuhan berlaku,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai tanah runtuh di Taman Idaman pada Sabtu lalu yang membentuk kawah seluas 600 meter.

Tambahnya, kejadian tersebut turut dipercayai berpunca daripada tanah yang tidak dipadatkan dengan sempurna ketika projek pembinaan perumahan tersebut dilakukan.

“Agak mengejutkan apabila rumah di kawasan tersebut boleh bertahan lebih 20 tahun kerana sekiranya tanah tidak dipadatkan dengan baik lazimnya rumah akan retak.

“Langkah pemasangan cerucuk yang dilakukan ketika ini hanyalah langkah sementara dan perlu ada tindakan susulan,” ujarnya.